



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

ISU MOGOK PEMANDU BAS: KESUMA TIDAK BERTOLAK ANSUR DENGAN MAJIKAN INKGAR PERUNDANGAN BURUH

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) mengambil maklum berhubung insiden mogok yang melibatkan pemandu bas syarikat di Bangunan Sultan Iskandar (BSI), Johor Bahru pada 21 Julai 2025. Sehubungan itu, KESUMA melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) telah menjalankan siasatan serta merta di lokasi. Siasatan awal mendapati punca mogok adalah potongan gaji tanpa penjelasan, penamatan Elaun Tugas Khas (Special Duty Allowance) tanpa notis, serta dakwaan bayaran kerja lebih masa (OT) tidak dibayar. Bagaimanapun ramai pemandu enggan membuat aduan rasmi kerana bimbang dikenakan tindakan.

Bagi memastikan tindakan mogok tidak berulang dan menjejaskan pengguna perkhidmatan awam, JTKSM turut melakukan pemantauan susulan seawal jam 5 pagi pada 22 Julai 2025 dan mendapati tiada lagi insiden mogok dilaporkan. Pemeriksaan lanjut ke premis syarikat turut dijalankan pagi ini.

Untuk rekod, syarikat ini turut didapati melanggar Peraturan-Peraturan Pekerjaan (Had Kerja Lebih Masa) 1980 dalam Operasi Sektor Pengangkutan yang dijalankan pada 17 Julai lalu di mana pemandu syarikat terbabit direkodkan bekerja lebih 104 jam kerja lebih masa (OT) sebulan. Sehubungan itu, dua kertas siasatan telah dibuka terhadap syarikat berkenaan. Dalam operasi sama, 32 syarikat diperiksa dengan 34 kertas siasatan dibuka iaitu 30 di bawah Akta Kerja 1955 dan 4 (empat) di bawah Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446).

KESUMA ingin menegaskan bahawa semua majikan WAJIB mematuhi peruntukan di bawah Akta Kerja 1955, khususnya berkaitan urusan potongan gaji. Sekiranya disabitkan kesalahan melakukan potongan gaji yang tidak sah, pihak majikan boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 bagi setiap kesalahan. KESUMA tidak akan berkompromi terhadap mana-mana majikan yang gagal mematuhi undang-undang. YB Menteri Sumber Manusia juga telah mengarahkan tindakan tegas diambil tanpa kompromi terhadap mana-mana syarikat yang melanggar undang-undang dalam usaha memastikan kebajikan pekerja sentiasa dilindungi.

Pekerja yang menghadapi masalah potongan gaji tidak sah, bayaran kerja lebih masa tidak dibayar atau layanan tidak wajar, untuk tampil membuat aduan rasmi kepada JTKSM bagi membolehkan siasatan dan tindakan segera diambil. Aduan boleh dikemukakan melalui **talian hotline JTKSM di talian 03- 8886 5192/5937 atau emel ke jtksm@mohr.gov.my**. KESUMA melalui JTKSM akan terus menjalankan siasatan menyeluruh serta komited memastikan kebajikan dan hak pekerja sentiasa dilindungi sesuai dengan semangat Malaysia MADANI.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
22 JULAI 2025

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	